

Kepanasan Melampau (Penunjuk suhu tinggi cecair penyejuk menyala)

Enjin akan mengalami kepanasan yang melampau apabila perkara-perkara berikut berlaku:

- Isyarat suhu tinggi cecair penyejuk menyala.
- Pecutan skuter menjadi lembab.

Jika ini berlaku, sila berhenti di bahu jalan dengan selamat dan lakukan langkah-langkah berikut.

Enjin melahu untuk waktu yang berpanjangan mungkin menyebabkan penunjuk suhu tinggi cecair penyejuk menyala.

NOTIS

Menunggang secara berterusan dalam keadaan enjin terlampau panas akan menyebabkan kerosakan enjin yang serius.

1. Hentikan enjin menggunakan suis penghidup.
2. Putarkan suis penghidup ke posisi **O** (Off) dan biarkan enjin sejuk.
3. Selepas enjin sejuk, periksa hos radiator untuk memeriksa sebarang kebocoran. ➤ MS. 93
Jika terdapat kebocoran:
Jangan hidupkan enjin. Hantarkan skuter anda kepada wakil pengedar yang sah.
4. Periksa paras cecair penyejuk di dalam tangki simpanan. ➤ MS. 93
▶ Tambahkan cecair penyejuk jika perlu.
5. Jika 1 – 4 tiada masalah, anda boleh teruskan perjalanan, tetapi haruslah sentiasa memeriksa penunjuk suhu tinggi cecair penyejuk.